

Analisis Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Sabah: Prestasi PH Serta Dinamika GRS dan Warisan

Oleh: Alif Fahmi Zahari

Penafian

Kertas penulisan ini merupakan pandangan ringkas oleh penyelidik/ penulis atas kapasiti individu bagi tujuan menggalakkan percambahan idea serta diskusi berkaitan isu semasa dan perkara-perkara dasar. Ia tidak semestinya mencerminkan pendirian rasmi Lubna Research Center (LUBNA). Segala kekhilafan adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya.

Penulisan ini ditulis dan disediakan oleh **Alif Fahmi Zahari**, penyelidik di Lubna Research Center.

Penyelidik boleh dihubungi melalui;
work@lubnaresearch.com

Rujukan – Sila rujuk karya ini seperti berikut: Alif Fahmi Zahari. 2025. *Analisis Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Sabah: Prestasi PH Serta Dinamika GRS dan Warisan*. Kuala Lumpur: Lubna Research Center (LUBNA).

Maklumat lanjut berkenaan profil, penerbitan dan penulisan **Lubna Research Center (LUBNA)** boleh didapati di laman web yang berikut;
www.lubnaresearchcenter.com



(Gambar: BERNAMA)

Ringkasan Eksekutif

Pilihan Raya Umum Dewan Undangan (PRU DU) Sabah 2025 memperlihatkan landskap politik yang semakin Sabah-sentrik dengan dua blok dominan iaitu GRS dan Warisan yang mendominasi undi popular GRS (286,389) dan Warisan (288,703).

Dalam konteks ini, prestasi Pakatan Harapan (PH) menunjukkan kemerosotan ketara, tetapi perlu dinilai secara lebih empirikal, bukan sekadar naratif bahawa mereka ditolak secara keseluruhan oleh pengundi di Sabah.

Benarkah PH Ditolak Di Sabah? (Analisis Empirikal)

Data menunjukkan bahawa PH mencatat undi popular 75,938 bagi 22 kerusi Dewan Undangan (DU) Sabah jauh di belakang GRS dan Warisan berbanding 131,354 undi popular semasa PRU DU Sabah 2020. Ini membuktikan bahawa PH mengalami penyusutan keupayaan untuk bersaing pada peringkat negeri.

Sorotan data:

- a. DAP gagal mempertahankan mana-mana kerusi.
- b. KEADILAN kehilangan satu kerusi bukan strategik.
- c. AMANAH gagal memenangi satu kerusi yang dipertandingkan.

DU	PB 2020	PKM 2020 (%)	Status	PB 2025	PKM 2025 (%)	Status
N19 Likas	14,934	63.3%	Menang	19,100	53.6%	Kalah
N21 Luyang	25,775	66.4%	Menang	35,262	55.3%	Kalah
N55 Elopura	25,794	58.1%	Menang	39,004	48.9%	Kalah
N69 Sri Tanjung	26,493	55.8%	Menang	37,327	49.7%	Kalah
N42 Melalap	13,993	75.7%	Menang	21,320	70.2%	Menang

Jadual 1: PB (Pengundi Berdaftar) & PKM (Peratus Keluar Mengundi)

Berikut adalah empat senarai DU (kecuali Melalap) yang mewakili majoriti etnik Cina di kawasan tersebut. Secara tradisinya, peratus keluar mengundi di keempat-empat DU tersebut mencatatkan penurunan sebanyak 6%-11%. Semakin menurun peratus keluar mengundi di kawasan etnik Cina, makin menipis peluang PH (mewakili DAP) untuk menang di DU tersebut.

Kajian kes lain di Melalap memperlihatkan peratus keluar mengundi melebihi 70% kebiasaannya meyakinkan keputusan PH untuk memenangi sesuatu DU. Politik Sabah mempunyai pola yang unik kerana *turnout* etnik Cina lebih rendah dalam PRU DU berbanding PRU. Fenomena ini bukan perubahan sokongan politik, tetapi perubahan *turnout*. Dalam kerangka sains politik, mekanisme ini dipanggil sebagai *differential turnout effect*.

PH tidak ditolak secara keseluruhan, tetapi mereka mengalami *erosion of urban support* iaitu penyusutan undi secara beransur-ansur iaitu sesuatu yang jarang berlaku dalam PRU, tetapi lazim dalam PRU peringkat negeri atau wilayah. Penyusutan undi berlaku terhadap dua situasi iaitu *turnout erosion* (pengundi PH tidak keluar mengundi) dan *conversion erosion* (pengundi PH mengundi parti lain).

Conversion erosion kebiasaannya berlaku disebabkan *elite brokerage* (perunding elit) di mana penyandang kerusi sedia ada merupakan wakil rakyat yang bagus serta mampu mempengaruhi pengundi dan masyarakat untuk berpindah undi. Pun begitu, kajian kes di kedua-dua DU berikut mencerakinkan bahawa pemindahan undi PH kepada parti atau koalisi lain yang lazimnya mewakili etnik yang sama khususnya Cina serta mempunyai unsur patron-klien.

DU	ADU 2020	Parti	ADU 2025	Parti
N55 Elopura	Calvin Chong	DAP	Calvin Chong	Warisan
N69 Sri Tanjung	Justin Wong	DAP	Justin Wong	Warisan

Jadual 2

Dua Ahli Dewan Undangan (ADU) Sabah ini berjaya mengekalkan kerusi mereka meskipun dengan parti yang berbeza. Lazimnya, wakil rakyat yang mampu mengekalkan kerusi walaupun berbeza parti dikaitkan dengan unsur prestasi dan kebergantungan. Kedua-dua ADU ini mungkin menunjukkan prestasi yang baik serta berjaya mencipta polarisasi patron (pemimpin) dan klien (pengundi) untuk mengekalkan kebergantungan sesama sendiri. Faktor persamaan etnik melengkapkan lagi proses klientelisme dalam kalangan mereka.

Identiti PH Sebagai 'Parti Malaya'

Data undi menunjukkan PH gagal menguasai kawasan majoriti tempatan Sabah. Naratif "Parti Malaya" mengekang mobilisasi PH kerana sentimen PH itu sendiri dikenali sebagai parti pusat.

- a. Sikap proteksionisme politik tempatan semakin kuat.
- b. PH tidak mempunyai jaringan akar umbi setanding GRS atau Warisan.
- c. Perang saudara UPKO-PH.

Pun begitu, BN dan PN juga menerima nasib yang sama di mana pengundi Sabah cenderung memilih koalisi atau parti lokal berbanding parti luar.

Jenis Parti	Parti Komponen	Kerusi DU 2025
LOKAL	PGRS	23
	PBS	6
	WARISAN	25
	UPKO	3
	PBRS	1
	STAR	2
	KDM	1
	JUMLAH	61
	BEBAS	5
LUAR	UMNO	5
	PKR	1
	PAS	1
	JUMLAH	7

Jadual 3

PH dilihat sebagai parti Malaya kerana pemimpin utama majoritinya yang berasal dari Semenanjung Malaysia menjadikan parti ini kurang terikat dengan struktur dan budaya politik tempatan Sabah. Kedua, manifesto PH lazimnya menekankan isu nasional seperti anti-rasuah, subsidi bersasar dan harga rahmah yang walaupun relevan secara umum, tetapi tidak langsung menyentuh keperluan khusus rakyat Sabah seperti tuntutan peruntukan 40 peratus, pembangunan pedalaman, autonomi fiskal, pengurusan hasil petroleum dan hak negeri di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Kombinasi faktor identiti pemimpin dan agenda nasional yang tidak bersentuhan langsung dengan isu tempatan menyebabkan PH sukar untuk memobilisasi jentera dan pengundi Sabah. Bahkan PH bertindak memobilisasi jentera import dari Semenanjung yang dilihat menafikan kearifan peranan jentera tempatan.

Pengundi tempatan juga lebih cenderung memberi keutamaan kepada parti atau calon yang menonjolkan kepentingan negeri, perlindungan hak Sabah dan pembangunan setempat di mana GRS dan Warisan berjaya mendominasi isu ini.

GRS dan Warisan Sebagai Proteksionisme dan Regionalisme

Sabah terbukti sebuah negeri yang mengundi secara *localism-driven*, bukan ideologi nasional. Isu tempatan yang lebih menarik minat pengundi adalah isu air dan elektrik, akses infrastruktur yang lengkap, kos sara hidup, MA63 dan segala isu-isu lain yang berkaitan dengan hal-ehwal negeri Sabah.

Isu peruntukan 40 peratus sangat dekat di hati pengundi Sabah yang celik terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963. Bagi majoriti pengundi atas pagar yang tidak begitu cakna terhadap isu ini, mereka cenderung mengambil pendekatan “*Sabah for Sabahan*” yang menekankan keutamaan kemaslahatan rakyat Sabah mengatasi pertimbangan partisan nasional.

Tambahan pula, tindakan UPKO keluar daripada PH susulan keputusan Kerajaan Persekutuan untuk memfailkan rayuan dalam kes tuntutan 40 peratus telah menimbulkan gelombang persepsi baharu, khususnya dalam kalangan pengundi Kadazan-Dusun-Murut (KDM) dan kelas menengah bandar.

Langkah UPKO boleh dilihat sebagai isyarat politik bahawa parti itu ingin menjarakkan diri daripada kerangka politik Semenanjung serta memposisikan dirinya sebagai pembela hak konstitusional Sabah. Walaupun UPKO bukan lagi parti dominan, tindakannya mencipta naratif moral bahawa autonomi negeri dan pematuhan kepada MA63 lebih utama daripada kesetiaan terhadap Kerajaan Perpaduan. Naratif ini berpotensi menekan parti-parti lain untuk menyatakan pendirian lebih tegas dalam isu hak negeri.

Pengundi KDM paling besar terkesan kerana beberapa faktor;

- a. Pertama; mereka merupakan komuniti yang paling peka terhadap isu hak negeri dan sejarah politik Sabah, khususnya naratif autonomi dan tuntutan fiskal.
- b. Kedua; KDM adalah kumpulan penentu dalam banyak kerusi pedalaman dan semi-bandar yang kompetitif menjadikan sokongan mereka mudah berubah berdasarkan isu 40 peratus.
- c. Ketiga; komuniti ini mempunyai sejarah sokongan kepada parti yang menekankan autonomi negeri seperti PBS, UPKO dan STAR serta langkah kerajaan memfailkan rayuan ditafsirkan sebagai cubaan Putrajaya mengurangkan hak Sabah.

- d. Keempat; banyak kawasan majoriti KDM menghadapi pembangunan yang tidak seimbang yang menjadikan isu 40 peratus sebagai isu praktikal dan berkaitan maruah serta kesejahteraan ekonomi rakyat.
- e. Kelima; tindakan UPKO keluar daripada PH memberi isyarat yang jelas bahawa parti KDM sendiri menilai PH kurang serius mempertahankan hak negeri, sekaligus mempengaruhi psikologi pengundi.

Kedua-dua koalisi dan komponen menggunakan naratif proteksionisme yang mana GRS menggunakan slogan “Rumah Kita, Kita Jaga” manakala Warisan menggunakan slogan “Selamatkan Sabah”. Begitu juga dengan UPKO yang menggunakan slogan “*Sabah First*”.

Hal ini berbeza jika dibandingkan dengan BN yang menggunakan slogan “Bikin Balik Sabah” yang juga hampir mirip dengan slogan PN iaitu “Kasi Bagus Sabah” yang lebih bersifat ingin menjana peluang kedua kepada koalisi tersebut yang berasal dari “Malaya”. PH pula menggunakan slogan “Harapan Urang Sabah” yang bersifat memberi harapan untuk rakyat Sabah yang dijenamakan semula pada siri-siri pilihan raya sebelum ini.

Apakah Alternatif Rakyat Sabah Selain PH dan BN?

Rakyat Sabah mempunyai alternatif pilihan untuk mengundi parti atau koalisi lain selain PH dan BN. Ini kerana sokongan rakyat Sabah diterjemahkan kepada dua kategori iaitu stabiliti dan autonomi. Calon yang baik dan membantu menyelesaikan taraf hidup masyarakat bergantung kepada dua kategori ini.

GRS mewakili stabiliti kerana kedudukan koalisi tersebut yang merupakan sebahagian dari Kerajaan Perpaduan di peringkat persekutuan. Manakala, Warisan mewakili autonomi kerana parti tersebut bertindak sebagai pembangkang dalam DU Sabah pada penggal sebelum ini serta memainkan naratif semangat MA63.

DU Sabah	Parti - 2020	Parti - 2025
N18 Inanam	PH	Warisan
N19 Likas	PH	Warisan
N20 Api-Api	PH	Warisan
N21 Luyang	PH	Warisan
N56 Tanjung Papat	PH	Warisan

N09 Tempasuk	BN	GRS
N13 Pantai Dalit	BN	GRS
N24 Tanjung Keramat	BN	GRS
N29 Pantai Manis	BN	GRS
N48 Sugut	BN	GRS
N51 Sungai Manila	BN	GRS

Jadual 4

Jika diteliti Jadual 4, terdapat lima kerusi DU Sabah yang dimenangi oleh PH pada tahun 2020 telah berpindah kepada Warisan pada tahun 2025. Begitu juga dengan BN yang mengalami enam penukaran kerusi kepada GRS. Ini membuktikan bahawa Warisan adalah alternatif selain daripada PH manakala, GRS adalah alternatif selain daripada BN bagi pengundi Sabah.

Bagaimana Sekiranya Berlaku Penukaran Sistem Pilihan Raya *First Past The Post* kepada *Proportional Representation*?

Perubahan daripada sistem *First Past The Post* (FPTP) kepada *Proportional Representation* (PR) akan membawa kesan besar terhadap struktur politik Sabah. Ini kerana Sabah mempunyai ciri-ciri politik yang unik: fragmentasi etnik, kepelbagaian parti lokal serta keseimbangan antara parti tempatan dan parti Semenanjung. Perubahan sistem pilihan raya secara langsung akan mempengaruhi siapa yang mendapat kelebihan struktur dan siapa yang akan kehilangan kelebihan tersebut.

Di bawah FPTP, GRS dan Warisan mendapat manfaat daripada taburan sokongan yang bersifat geografi. GRS lebih kuat di Pantai Barat dan pedalaman yang majoritinya ialah etnik KDM. Warisan pula lebih kuat di Pantai Timur dan zon pesisir kawasan etnik Bajau-Suluk. Sementara PH lebih dominan di kawasan-kawasan bandar yang meliputi majoriti bukan Bumiputera khususnya etnik Cina.

Di bawah PR, sokongan mereka tidak lagi diterjemahkan melalui penguasaan kawasan, tetapi melalui peratusan undi sebenar. Ini bermaksud jika GRS mendapat 30 peratus undi negeri, mereka hanya akan menerima kira-kira 30 peratus kerusi DU Sabah sahaja.

Gambaran ini boleh dilihat melalui undi popular PRU DU Sabah 2025 sebelum ini.

Koalisi / Parti	Undi Popular	Kerusi DU (FPTP) - (Sekarang)	Kerusi DU (PR) - (Jika)
GRS	286,389	29	19
Warisan	288,703	25	19
BN	144,584	6	9
PH	75,938	1	5
PN	41,584	1	3
UPKO	64,471	3	4
STAR	73,410	2	5
KDM	54,050	1	3
Lain-lain	99,841	5	6
JUMLAH	1,128,970	73	73

Jadual 5

Berdasarkan Jadual 5 di atas, GRS akan paling terkesan sekiranya sistem pilihan raya di Malaysia ditukarkan kepada PR. Ini berlaku kerana kawasan pedalaman mempunyai pengundi lebih sedikit, tetapi kemenangan GRS di kawasan-kawasan ini tetap memberikan kerusi yang sama nilainya dengan kawasan bandar yang pengundinya ramai.

FPTP memberi “bonus kerusi” kepada parti yang mempunyai penyebaran sokongan tertumpu, bukan sokongan besar secara agregat. PH pula akan paling beruntung dalam sistem PR. Pun begitu, PR membantu koalisi dan parti komponen kecil memenangi jumlah kerusi yang setara dengan undi yang mereka perolehi secara pukal yang mana undi ini diterjemahkan sebagai undi popular dalam sistem FPTP.